



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545
Faks :603-88895542
Email : kkm@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
TIMBALAN KETUA PENGARAH KESIHATAN (KESIHATAN AWAM)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA
Bagi Minggu 11/2013 (10 hingga 16 Mac 2013)

Dua sekeluarga di Johor dan seorang pelajar di Kedah menjadi korban Demam Denggi pada minggu lepas, menjadikan tiga (3) lagi kematian dicatatkan setelah 3 kematian juga telah berlaku pada minggu sebelumnya. Kes kematian di Johor melibatkan seorang ibu berusia 43 tahun dan anak perempuannya yang berusia 15 tahun. Kedua-dua sekeluarga yang malang itu telah mendapatkan rawatan awal setelah mengalami demam, sakit badan dan tiada selera makan. Pesakit telah dimasukkan ke wad untuk rawatan dan apabila keadaan menjadi semakin serius, pesakit telah dirujuk ke Unit Rawatan Rapi (ICU) untuk rawatan lanjut. Walau bagaimanapun, kedua dua ibu dan anak itu telah meninggal dunia selang sehari dengan sebab kematian *Dengue Shock Syndrome*.

Kawasan kediaman pesakit telah diisytiharkan sebagai kawasan wabak dan siasatan telah dilakukan untuk mengesan punca jangkitan. Hasil siasatan mendapati kadar pembiakan Aedes di kawasan tersebut adalah tinggi iaitu 12.8% setelah pemeriksaan dilakukan dari rumah ke rumah. Tiga pemilik rumah juga telah dikenakan kompaun RM500 setelah kediaman mereka mempunyai pembiakan Aedes. Bagi menghindarkan berlakunya penularan denggi di kawasan tersebut, satu

aktiviti gotong-royong telah dianjurkan oleh penduduk tempatan. Ini merupakan kes kematian keenam yang berlaku di Johor pada tahun ini. Sementara itu di Kedah, kes kematian berlaku melibatkan seorang pelajar perempuan berusia 14 tahun yang juga mengalami demam, keletihan dan tiada selera makan. Pesakit meninggal dunia dengan sebab kematian *Dengue Shock Syndrome* semasa diberikan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU). Pemeriksaan telah dijalankan di kawasan kediaman dan sekolah pesakit dan mendapati kadar pembiakan Aedes adalah tinggi iaitu 10.7% dan 5.3%. Dengan tiga kematian yang dilaporkan ini, jumlah kematian akibat Denggi telah meningkat menjadi 14 kematian.

Kes Denggi pada minggu ke 11 tahun 2013, juga dilaporkan meningkat 18% berbanding tempoh yang sama minggu sebelumnya. Sebanyak 461 kes Denggi dilaporkan dengan lapan (8) negeri menunjukkan peningkatan kes iaitu Selangor 27 kes, Johor 16 kes, Sarawak 13 kes, Perak 10 kes, Negeri Sembilan 4 kes, Kelantan 4 kes, Melaka 3 kes dan Pahang 2 kes. Oleh itu, jumlah kumulatif kes Denggi yang dilaporkan sehingga minggu ke-11 tahun ini, adalah 5,222 kes berbanding 5,664 kes yang dilaporkan bagi tempoh yang sama tahun 2012. Sebanyak 58 kawasan wabak Denggi masih aktif berlaku melibatkan 19 daerah di seluruh negara. Johor Bahru merupakan daerah yang mempunyai lokaliti wabak tertinggi iaitu 12 lokaliti, diikuti daerah Klang dengan 11 lokaliti dan Petaling 7 lokaliti.

Sempena cuti sekolah akan datang, KKM menasihatkan masyarakat untuk mengambil inisiatif membersihkan kawasan persekitaran tempat tinggal mereka dengan memeriksa dan menghapuskan tempat pembiakan Aedes. Kawasan-kawasan tumpuan masyarakat sewaktu cuti persekolahan seperti kawasan rekreasi, pusat peranginan, pusat beli belah, kawasan pengangkutan awam serta

kawasan rehat dan rawat juga perlu diberikan perhatian serius oleh semua pihak iaitu Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), kontraktor pembersihan dan pengurus premis dengan melakukan pemeriksaan secara menyeluruh di tempat-tempat berpotensi seperti di kolam hiasan, pasu bunga, lanskap dan tandas awam bagi memastikan tiada pembiakan Aedes. Tindakan segera dan berterusan daripada pelbagai pihak amat diperlukan bagi memastikan kejadian Demam Denggi dapat dikawal dan dicegah daripada terus berlaku. “Membenteras Denggi adalah Tanggungjawab Semua”.

DATUK DR LOKMAN HAKIM BIN SULAIMAN

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

Kementerian Kesihatan Malaysia

18 Mac 2013

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 11/2013
(10 hingga 16 Mac 2013)**

Bil	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes Denggi sehingga minggu 11/2013	Jumlah Terkumpul kes Denggi sehingga minggu 11/2012
		Minggu 11 (10 - 16 Mac 2013)	Minggu 10 (3 - 9 Mac 2013)		
1	Perlis	3	3	35	49
2	Kedah	12 (1)	12	158 (1)	161 (1)
3	P. Pinang	8	11	163	209 (1)
4	Perak	44	34	435	409 (1)
5	Selangor	179	152	2,253 (1)	2,557 (9)
6	WPKL & Putrajaya	45	45 (2)	359 (3)	571 (3)
7	N. Sembilan	12	8	97	98 (1)
8	Melaka	14	11	110	171
9	Johor	50 (2)	34 (1)	468 (6)	362
10	Pahang	14	12	139	173
11	Terengganu	2	4	46	219
12	Kelantan	32	28	289	342
13	Sarawak	37	24	478 (2)	225
14	Sabah	9	12	192 (1)	113 (1)
15	WP Labuan	0	0	0	5
	Jumlah	461 (3)	390 (3)	5,222 (14)	5,664 (17)

Nota: () Kematian

* Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan.